

DATE: 13 / 08 / 2007

# Malaysia pusat penyumberan luar terbesar di Asia Tenggara

UM-13/8/2007

BALIK PULAU 12 Ogos - Kerajaan berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat penyumberan luar terbesar di Asia Tenggara dengan penubuhan lebih banyak pusat kemahiran berteknologi tinggi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, penubuhan lebih banyak pusat kemahiran berteknologi tinggi di Malaysia akan melahirkan lebih banyak tenaga kerja dengan kepakaran sendiri bagi memajukan industri bertekno-

logi tinggi.

"Dengan penubuhan lebih banyak pusat kemahiran seperti Institut Kemahiran Mara, Kolej Kemahiran Tinggi Mara dan universiti-universiti berasaskan kemahiran, tidak mustahil Malaysia bakal menjadi pusat pengeluaran tenaga-tenaga mahir," kata Perdana Menteri ketika berucap merasmikan Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTm) Balik Pulau di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi,

Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon.

KKTm Balik Pulau merupakan kolej kemahiran tinggi ketiga dibina di negara ini selepas KKTm Pasir Mas Kelantan dan KKTm Petaling Jaya.

Dengan kos pembinaan sebanyak RM40 juta, ia menawarkan kursus diploma untuk para pelajar dalam bidang kemahiran berteknologi tinggi.

Antara kursus yang ditawarkan ialah Pengilangan Maju, Elektronik

Mikro, Pemprosesan dan Teknologi Bahan, Instrumentasi Perubatan, Bio Teknologi dan Pemprosesan Makanan.

Perdana Menteri berkata, kejayaan melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran teknologi tinggi merupakan asas kepada pembangunan modal insan.

Beliau berharap lebih banyak peluang dibuka kepada golongan muda untuk mempelajari bidang itu.

Malah, katanya, dengan sokongan padu yang diberikan oleh kerajaan

sebagaimana diumumkan dalam bajet tahun lalu, terdapat bukti pendidikan semakin penting dan menjadi keperluan mendesak bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran.

Abdullah berkata, langkah itu secara tidak langsung dapat memenuhi sasaran kerajaan bagi menyediakan tenaga kerja menjelang tahun 2020.

Beliau berkata, Malaysia tidak perlu lagi menjadi pengeluar barang-barang berteknologi rendah.

Menurut Perdana Menteri, de-

ngan wujudnya pusat kemahiran berteknologi tinggi, negara kini perlu menumpukan kepada usaha untuk menjadi pengeluar barangan canggih dan moden.

"Kita tidak mahu menjadi pengeluar barang-barang kecil seperti skru dan alat ganti yang tidak seberapa. Apa yang kita mahukan ialah menjadi pengeluar komponen-komponen terkini sekali gus dapat menarik lebih ramai pelabur asing untuk melabur di Malaysia," katanya.